

TADABBUR SEBAGAI TRANSFORMASI PENDIDIKAN TAHFIZ: ANALISIS MODEL TRADISIONAL DAN MODEN DALAM KONTEKS PENGAJARAN TAHFIZ DI SEKOLAH UGAMA RADIN MAS (SURM), SINGAPURA

Tadabbur as a Transformative Approach in Tahfiz Education: An Analysis of Traditional and Modern Models in the Context of Tahfiz Teaching at Sekolah Ugama Radin Mas (SURM), Singapore

Mariam Mohd Hashim¹, Sahlawati Abu Bakar¹, Muhammad Syafee Salihin Hasan²

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: ummuisa16@gmail.com

Submitted: 09-May-2025	Accepted: 06-Jun-2025	Revised: 01-Sep-2025	Published: 30-Dec-2025
----------------------------------	---------------------------------	--------------------------------	----------------------------------

Abstrak

Kajian ini meneliti tadabbur sebagai pemangkin transformasi pendidikan tahfiz dengan menilai secara kritis penyepaduan amalan hafazan tradisional dan paradigma pedagogi moden dalam konteks pengajaran di Sekolah Ugama Radin Mas, Singapura. Reka bentuk kajian bersifat kualitatif dengan pendekatan pensejarahan dan konseptual; data diperoleh melalui analisis dokumen dan dihuraikan secara induktif. Lima model utama dianalisis sebagai model perbandingan tradisional dan moden, iaitu Al-Qabisi, Al-Ansari, Konstruktivisme, Ulul Albab, dan Huffaz Profesional. Dapatan menunjukkan bahawa tadabbur berstruktur bukan sahaja meningkatkan kualiti hafazan dan kefahaman teks, malah memperkukuh pembentukan sahsiah melalui pemikiran kritis dan ketahanan rohani. Implikasi ini khususnya signifikan dalam konteks minoriti Muslim seperti Singapura yang berdepan tekanan pemodenan tanpa menanggalkan nilai teras Islam. Namun, pelaksanaan tadabbur masih terhad akibat kekangan masa pengajaran, kekurangan latihan profesional guru, ketiadaan modul standard, dan tahap integrasi teknologi yang rendah. Kajian ini mencadangkan hala tuju strategik meliputi pembangunan modul tadabbur yang kontekstual dengan SURM, pemerkaasaan guru melalui latihan terancang, pengintegrasian teknologi digital, serta penggunaan pentaksiran autentik yang menilai hafazan, kefahaman makna, kedalaman refleksi, dan amalan. Sumbangan utama kajian ialah pengemukaan rangka konseptual integratif yang mengalihkan wacana daripada hafazan semata-mata kepada pendekatan reflektif berasaskan makna, selaras dengan aspirasi pendidikan abad ke-21. Rangka ini diharap membantu pembuat dasar dan pelaksana kurikulum merapatkan jurang antara penguasaan teks dan penghayatan makna, seterusnya melahirkan huffaz yang bukan sahaja menghafaz, tetapi menghayati dan mengamalkan ajaran al-Quran.

Kata kunci: tadabbur, pendidikan tahfiz, model tradisional dan moden, SURM Singapura, Ulul Albab, Huffaz Profesional, konstruktivisme.

Abstract

This study examines tadabbur as a catalyst for transforming tahfiz education by critically evaluating the integration of traditional memorization practices and modern pedagogical paradigms within the teaching context at Sekolah Ugama

Radin Mas (SURM), Singapore. The research adopts a qualitative design with historical and conceptual approaches; data were gathered through document analysis and interpreted inductively. Five models are analyzed as traditional-modern points of comparison, namely Al-Qabisi, Al-Ansari, Constructivism, Ulul Albab, and Professional Huffaz. The findings indicate that structured tadabbur not only enhances the quality of memorization and textual comprehension, but also strengthens character formation through critical thinking and spiritual resilience. These implications are particularly significant in minority-Muslim contexts such as Singapore, which face pressures to modernize without relinquishing core Islamic values. Nevertheless, implementation remains constrained by limited instructional time, insufficient professional teacher training, the absence of standardized tadabbur modules, and low levels of technology integration. The study proposes strategic directions that include developing SURM-contextualized tadabbur modules, empowering teachers through targeted training, integrating digital technologies, and employing authentic assessment that evaluates memorization, comprehension of meaning, depth of reflection, and practice. The primary contribution is an integrative conceptual framework that shifts the discourse from memorization alone to a meaning-centered, reflective approach aligned with twenty-first-century educational aspirations. This framework is expected to assist policymakers and curriculum implementers in bridging the gap between textual mastery and the internalization of meaning, thereby nurturing huffaz who not only memorize but also embody and practice the teachings of the Quran.

Keywords: *tadabbur, tahfiz education, traditional and modern models, SURM Singapore, Ulul Albab, Professional Huffaz, constructivism.*

1.0 PENDAHULUAN

Ayat teras tentang kewajipan tadabbur ialah firman Allah yang bermaksud, al Quran diturunkan agar manusia mentadabburi ayat ayatnya dan agar orang berakal mengambil Pelajaran (Sad 38:29), justeru huruf tujuan “li” pada “liyaddabbaru” menegaskan bahawa tadabbur ialah matlamat asas penurunan al Quran, maka bacaan dan hafazan mesti diiringi pemahaman serta pengamalan (Sufyan, 2022). Berpaksikan prinsip ini, tadabbur berperanan sebagai pemangkin transformasi pendidikan tahfiz (Senjaya et al., 2023).

Tadabbur al-Quran merupakan asas utama yang memastikan al-Quran tidak hanya dibaca dan dihafaz, tetapi benar-benar difahami serta diamalkan dalam kehidupan. Muhammad al-Ghazali (1995) mengkritik pendekatan pendidikan al-Quran yang terlalu menekankan hafazan tanpa pemahaman, sambil menegaskan perlunya integrasi antara hafazan, kefahaman makna, dan penghayatan isi kandungan al-Quran. Seiring dengan itu, Yusof al-Qaradawi (2006) menekankan bahawa tujuan utama penurunan al-Quran adalah untuk difahami serta diaplikasikan dalam realiti kehidupan. Namun begitu, realiti masyarakat Islam masa kini masih menunjukkan keterbatasan dalam memahami al-Quran, sehingga penghayatan terhadap mesejnya kurang diberi perhatian.

Sejarah penubuhan Sekolah Agama Radin Mas (SURM) di Singapura menunjukkan bahawa institusi ini telah berdaftar dengan Kementerian Pendidikan sejak 1956 sebagai sekolah agama. Pada tahun 2009, SURM dinaik taraf menjadi madrasah tahfiz sepenuh masa dengan memanfaatkan lesen sedia ada, sekali gus menjadikannya satu-satunya institusi tahfiz yang berdaftar secara rasmi sebagai sekolah sepenuh masa di bawah Kementerian Pendidikan sehingga kini (Sesawang rasmi SURM).

Institusi ini menjadi simbol kejayaan perkembangan pendidikan tahfiz di Singapura, meskipun sebelum itu telah wujud pelbagai pusat tahfiz swasta dan kelas

tahfiz hujung minggu. Kejayaannya dianggap sebagai satu bentuk inovasi dalam pendidikan tahfiz kontemporari kerana mampu mengintegrasikan program tahfiz ke dalam sistem persekolahan yang turut menyediakan mata pelajaran akademik, setanding dengan apa yang ditawarkan di sekolah kerajaan dan swasta yang lain (Rahman, 2018).

Pendidikan Tahfiz al-Quran pula merupakan asas utama dalam membentuk generasi al-Quran yang unggul serta berdaya saing. Ia berkembang sebagai salah satu aliran pendidikan yang mendapat sambutan meluas daripada masyarakat, termasuk di Singapura yang berlatarkan konteks masyarakat minoriti Muslim. Hal ini dapat dilihat melalui sambutan tinggi terhadap pendaftaran kelas-kelas tahfiz separuh masa yang diikuti oleh pelajar daripada pelbagai peringkat umur dan latar belakang, serta melalui penyertaan aktif dalam musabaqah tahfiz tahunan anjuran Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) (Rahman, 2018).

Fenomena ini didorong oleh kesedaran ibu bapa tentang kepentingan al-Quran sebagai benteng daripada pengaruh negatif dan keruntuhan akhlak. Justeru, usaha melahirkan generasi al-Quran yang benar-benar unggul menjadi suatu keperluan mendesak, iaitu generasi yang menjadikan al-Quran sebagai rujukan utama dalam semua aspek kehidupan serta menghayati dan mengamalkan ajarannya dalam realiti seharian (Maisarah Thulhuda et al., 2018).

Secara tradisional, sistem tahfiz di Nusantara termasuk Singapura, menekankan hafazan sebagai teras utama melalui kaedah talaqqi, takrār (pengulangan), dan musyāfahah bersama guru. Pendekatan ini telah terbukti berkesan dalam melahirkan generasi huffaz yang kukuh penguasaannya terhadap teks al-Quran, namun pada masa yang sama kurang menitikberatkan aspek kefahaman makna serta penghayatan rohani yang mendalam (Mohd Faizulamri et al., 2021).

SURM memberi keutamaan sekitar 52 peratus kepada mata pelajaran berteraskan al-Quran seperti Ulumul Quran, Tajwid dan Tafsir. Walau bagaimanapun, istilah tadabbur belum dimasukkan secara rasmi sebagai komponen kurikulum dalam jadual waktu atau dokumen pengajaran (Sesawang rasmi SURM).

Keadaan ini menandakan tadabbur berfungsi melalui aktiviti tafsir, tazkirah dan perbincangan adab dan akhlak, tetapi belum mempunyai hasil pembelajaran dan peruntukan masa khusus, serta kaedah pentaksiran yang tersusun (Jurnal SURM, 2024). Implikasi kurikulum ialah amalan tadabbur sukar dipantau, sukar dinilai ketercapaian pelajar, dan kurang mendapat keutamaan apabila berdepan kekangan masa (Kamal, 2021).

Justeru, pendekatan menganalisis model tradisional dan moden ini diharapkan mampu mencapai keseimbangan tadabbur sebagai transformasi pendidikan tahfiz antara warisan keilmuan klasik dan tuntutan pedagogi kontemporari di Singapura. Hal ini amat signifikan kerana generasi huffaz masa kini tidak wajar dibatasi dengan identiti sebagai penghafaz semata-mata, sebaliknya perlu tampil sebagai pemikir kritis, pengamal konsisten, dan duta al-Quran yang berupaya menterjemahkan nilai-nilai wahyu dalam realiti kehidupan moden yang sarat dengan tuntutan akademik, cabaran identiti Muslim minoriti, dan nilai sekular yang dominan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar institusi tahfiz masih mempunyai tahap hafazan dan pemahaman yang rendah kerana pendidikan tahfiz bukan merupakan subjek utama dan pelajar perlu membahagikan fokus antara silibus

hafazan dan subjek akademik lain (Mohd Faizulamri et al., 2021). Sebahagian pelajar juga menghadapi masalah dalam terjemahan dan pemahaman al-Quran serta kekurangan kemahiran bacaan dan hafazan yang mantap (Faizulamri Mohd Saad et al., 2020).

Selain itu, proses hafazan tidak disokong sepenuhnya oleh kemahiran asas yang dapat membantu penguasaan hafazan (Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri, 2014). Walaupun metod tahfiz al-Qabisi (1955) menekankan al-Fahm, iaitu kefahaman ayat, banyak guru menghadapi halangan untuk menerapkannya sedangkan kefahaman adalah tuntutan Allah (al-Sod: 29; al-A'raf: 204).

Akibatnya, terdapat pelajar yang masih gagal menghubungkan hafazan al-Quran dengan kehidupan dan pembelajaran akademik kerana kesuntukan masa dan pembelajaran yang berlaku secara terpisah (Noor Hisham Md Nawi & Nasrun Hakim Salleh, 2017). Seseengah guru pula masih selesa dengan pendekatan tradisional seperti hanya menggunakan buku rekod tasmik dan mushaf tanpa mempelbagaikan bahan bantu mengajar (BBM) walaupun pengajaran sepatutnya bergerak seiring keperluan semasa (Rohana Zakaria et al., 2017; Azmil Hashim et al., 2013).

Kajian turut mendapati bahawa kekurangan sokongan, latihan dan penguasaan guru terhadap metod tadabbur merupakan halangan utama untuk mengintegrasikan tadabbur secara berkesan dalam pengajaran tahfiz (Mardhiah Yahaya et al., 2018). Oleh itu, wujud keperluan mendesak untuk membangunkan sebuah model tadabbur yang dapat menyokong peranan guru, membantu pelajar, serta menyelaraskan hala tuju pengajaran tahfiz di Singapura.

3.0 SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian terdahulu telah membuktikan bahawa tadabbur memainkan peranan penting dalam memperkukuh hafazan dan penghayatan al-Quran. Hafazan yang dilakukan tanpa tadabbur berisiko menjadi sekadar pengulangan tekstual dan tidak memberi kesan mendalam terhadap pembentukan sahsiah pelajar (Zamroni & Ihsan, 2021). Dapatan ini memperlihatkan jurang dalam pendidikan tahfiz apabila terlalu menekankan hafazan semata-mata tanpa memastikan pemahaman dan penghayatan ayat-ayat al-Quran. Justeru, terdapat keperluan untuk menjalankan kajian bagi menilai peranan tadabbur sebagai pelengkap utama dan asas transformasi dalam proses pendidikan tahfiz.

Amalan tadabbur mampu meningkatkan motivasi dan menumbuhkan rasa cinta pelajar terhadap al-Quran, sekali gus memperkukuh hubungan spiritual mereka dengan wahyu Ilahi (Yuliani, 2019). Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan dalam strategi praktikal yang boleh diimplementasikan di bilik darjah. Justeru, wujud keperluan untuk mengkaji pendekatan pengajaran yang lebih konkrit dan sistematik agar tadabbur dapat dijadikan teras dalam sistem pendidikan tahfiz, bukan sekadar unsur sampingan.

Tadabbur dapat menonjolkan potensi dalam meningkatkan keupayaan berfikir secara analitik dalam kalangan pelajar (Jaafar & Ilyas, 2020). Walau bagaimanapun, kajian ini masih bersifat terbatas kerana belum menilai secara langsung keberkesanan tadabbur dalam konteks kurikulum tahfiz yang formal dan berstruktur. Kekosongan ini menunjukkan wujudnya keperluan untuk meneliti bagaimana tadabbur boleh diinstitusikan secara sistematik dalam kurikulum tahfiz.

Selain itu, Kajian Rohana & Hayati, Zainora, (2017), menunjukkan bahawa pelajar yang tidak memahami makna ayat cenderung bergantung sepenuhnya kepada arahan dan maklumat dari guru, sekali gus menyebabkan prestasi hafazan

mereka lemah. Tambahan pula guru kurang memberi penekanan terhadap aspek kefahaman makna ayat al-Quran (Azmil et al., 2013). Dapatan ini mengisyaratkan keperluan bagi membangunkan modul tadabbur yang berstruktur, agar dapat membantu guru dapat menekankan aspek pemahaman dan penghayatan.

Di samping itu, penyelidikan lepas lebih banyak berfokus kepada konteks Malaysia dan Timur Tengah, sedangkan kajian kontekstual dalam institusi minoriti Muslim, seperti di Singapura, masih sangat terbatas. Hal ini menimbulkan keperluan mendesak untuk menilai keberkesanan tadabbur dalam konteks pendidikan tahfiz tempatan, agar dapatan lebih relevan dengan cabaran sebenar institusi yang beroperasi dalam masyarakat minoriti Muslim.

Berdasarkan jurang yang dikenal pasti, kajian ini menilai potensi model integratif yang menghimpunkan kekuatan tradisional dan moden. Matlamatnya ialah menempatkan tadabbur sebagai teras transformasi pendidikan tahfiz, sekali gus membina ekosistem pembelajaran yang seimbang, relevan, dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran semasa. Dengan demikian, kajian ini diharap menyumbang secara signifikan kepada pemantapan dasar, kurikulum, dan amalan pedagogi tahfiz.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini ialah menganalisis peranan tadabbur dalam memperkukuh hafazan, kefahaman, dan penghayatan al-Quran; menilai kekuatan model tradisional dan moden dalam konteks pengajaran tahfiz; dan mencadangkan kerangka strategik integrasi tadabbur yang berstruktur serta kontekstual bagi memperkasa transformasi pendidikan tahfiz di SURM.

5.0 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini bersifat teoritis dan konseptual dengan menggunakan sorotan literatur berstruktur sebagai asas utama bagi mengenal pasti jurang, memperkukuh dan menggabungkan teori-teori sedia ada serta membina kerangka tadabbur yang sesuai, serta mencadangkan inovasi konsep yang relevan dengan realiti semasa pendidikan tahfiz kontemporari di Singapura. Data diperoleh melalui penilaian terhadap jurnal akademik dan penerbitan rasmi yang membincangkan tadabbur, pendidikan tahfiz, model pengajaran Islam, dan inovasi kurikulum (Grant & Booth, 2009, Recker, 2013)

6.0 KONSEP TADABBUR DALAM PENDIDIKAN TAHFIZ

Tadabbur merujuk kepada proses memahami dan menghayati makna ayat-ayat al-Quran secara mendalam untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian (Zulkiple, Adnan, 2016). Ia bukan sekadar bacaan atau hafazan literal tetapi menuntut renungan, analisis, dan refleksi terhadap mesej-mesej suci yang terkandung dalam wahyu Ilahi. Dengan itu, tadabbur mendorong perubahan tingkah laku, membentuk keperibadian berasaskan nilai Qurani, serta memastikan al-Quran benar-benar berfungsi sebagai panduan hidup.

Dalam konteks pendidikan tahfiz, tadabbur berperanan sebagai pelengkap yang memperkukuh hafazan, meningkatkan kefahaman makna, dan memperdalam penghayatan terhadap nilai-nilai al-Quran (Chek, 2021). Pelajar tidak lagi terbatas kepada hafazan teks, tetapi turut membina hubungan emosi dan spiritual dengan

ayat yang dihafaz. Hal ini menjadikan hafazan lebih kukuh kerana ia diiringi dengan kesedaran rohani dan kefahaman yang menyeluruh (Mohd Yakub & Nordin, 2016).

Selain itu, pelaksanaan tadabbur dalam pendidikan tahfiz membolehkan pelajar mengaitkan isi kandungan al-Quran dengan realiti semasa, sekali gus mengasah pemikiran reflektif serta menanam nilai praktikal dalam kehidupan harian. Maka, integrasi tadabbur bukan sahaja meningkatkan prestasi hafazan, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah pelajar yang holistik. Justeru, tadabbur wajar dilihat sebagai asas transformasi pendidikan tahfiz.

7.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Transformasi pendidikan tahfiz menuntut sintesis antara kekuatan hafazan tradisional dan inovasi pedagogi moden. Kaedah talaqqi, musyafahah dan takrar terbukti memastikan ketepatan bacaan serta membina disiplin rohani. Pendekatan moden mengintegrasikan hafazan, kefahaman dan aplikasi nilai Qurani melalui pedagogi aktif dan pemikiran kritis, menghubungkan ayat dengan isu semasa serta kemahiran abad ke-21. Justeru, diperlukan pendekatan reflektif, kontekstual dan berorientasi masa depan untuk menyatukan dua tradisi ini.

Bahagian ini memberikan analisis terhadap lima model pengajaran yang telah dikenal pasti sebagai rujukan utama untuk kajian ini. Model dikaji berdasarkan elemen teras, serta kekuatannya dalam konteks aplikasi semasa. Penilaian ini bertujuan menilai sejauh mana keberkesanan setiap model dalam menyokong transformasi pendidikan tahfiz yang menekankan hafazan dan aplikasi nilai-nilai Qurani secara holistik. Sorotan ini penting bagi merumuskan model integratif yang sesuai dengan keperluan pendidikan Islam kontemporari, khususnya dalam konteks institusi tahfiz di Singapura. Lima model yang diketengahkan adalah seperti berikut:

7.1 Model Al-Qabisi

Pemikiran pendidikan al Qabisi (1955) yang dihuraikan dalam al Risalah fi Adab al Mu'allimin wa al Muta'allimin menjadi asas penting kepada model hafazan al Quran yang berteraskan adab, disiplin, dan kesahihan sanad. Matlamatnya jelas pada tiga objektif yang saling melengkapi, iaitu al Hifz bagi penguasaan hafazan yang tepat, al Wa'iy bagi kefahaman serta penghayatan makna, dan Istirja' bagi kesinambungan ulang kaji yang berdisiplin. Dalam kerangka ini, al Wa'iy sesuai dihubungkan dengan tadabbur, kerana ia berperanan menghubungkan lafaz dengan makna dan amalan, sekali gus mengenenangkan pendidikan tahfiz sebagai proses pembinaan ilmu, rohani, dan akhlak.

Kekuatan utama tradisi tahfiz terletak pada peneguhan akhlak dan adab, serta pemeliharaan ketepatan bacaan melalui talaqqi dan musyafahah bersemuka yang memastikan makhraj, tajwid, dan barakah sanad. Transformasi berasaskan tiga objektif al-Qabisi, menyokong tadabbur berstruktur, hafazan menjadi lebih bermakna, kefahaman makna meningkat, dan penghayatan nilai Qurani terserap ke dalam pembentukan sahsiah. Hal ini menyiapkan pelajar bukan sekadar sebagai penghafaz yang tepat bacaannya, tetapi sebagai insan yang memahami dan mengamalkan ajaran al Quran dalam konteks sosial semasa (Al-Husaini, 2014).

Pentaksiran autentik menilai tiga domain, iaitu ketepatan bacaan, kefahaman makna, dan bukti amalan. Pengayaan teknologi menyokong talaqqi dan musyafahah melalui pemantauan dalam talian serta rakaman bacaan tanpa mengabaikan pertemuan bersemuka, manakala modul adab dan etika digital mengekalkan tertib interaksi. Jaringan sanad antara institusi, termasuk kerjasama rentas negara, mengukuhkan kesinambungan tradisi (Mardhiah et al., 2018).

Disepadukan dalam konteks seperti SURM, pendekatan ini merumuskan satu model integratif yang menyatukan kekuatan tradisi dengan inovasi pedagogi moden, memacu transformasi pendidikan tahfiz ke arah lahirnya huffaz yang seimbang dari aspek rohani, intelektual, dan sosial.

7.2 Model Al-Ansari

Farid al Ansari, atau nama penuhnya Muhammad Farid bin al Hasan bin Muhammad, menampilkan pendekatan tadabbur yang praktikal, komunikatif dan dekat dengan realiti masyarakat, berbeza daripada corak tafsir tradisional. Dalam Majalis al Quran beliau menyeimbangkan teori dan pelaksanaan, membina kerangka tadabbur melalui surah seperti al Fatihah, al Furqan, Yasin dan al Hujurat dengan fokus pada ibrah dan mesej ayat. Prinsip terasnya ialah tadabbur inklusif yang terbuka kepada ulama, pelajar dan orang awam (Rohana, 2022). Prinsip ini selaras dengan agenda transformasi tahfiz di SURM.

Dapatan literatur menunjukkan pendekatan tematik al-Ansari menstrukturkan pemahaman secara menyeluruh dan sistematik dengan menghimpunkan ayat mengikut tema, lalu menghubungkan hafazan dengan makna dan kesatuan mesej al-Quran. Apabila tadabbur bertema digandingkan dengan disiplin tradisi, hafazan menjadi lebih bermakna, kefahaman meningkat dan penghayatan nilai Qurani terserap dalam pembentukan sahsiah (Hanifah, 2020).

Keberkesanan awal dapat dikesan melalui pengekal hafazan yang lebih baik selepas murajaah bertema, pengurangan kesilapan pada ayat yang difahami maksudnya, peningkatan dalam marlah penilaian refleksi tadabbur, bukti perubahan tingkah laku dalam log pemerhatian guru, serta penghasilan pembelajaran seperti portfolio tematik dan projek komuniti.

Secara pedagogi, pentaksiran autentik menilai tiga domain yang disepadukan, iaitu ketepatan bacaan, kefahaman makna dan bukti amalan. Murajaah bertema juga boleh mengukuhkan hafazan bukan mengikut susunan surah semata mata tetapi berdasarkan tema. Untuk aplikasi di SURM, latihan guru perlu diperkasakan agar tajwid, pedagogi tadabbur dan reka bentuk penilaian bergerak seiring, manakala sokongan teknologi membolehkan pemantauan bacaan dan pengumpulan eviden pembelajaran secara sistematik.

Keseluruhannya, penggabungan disiplin tradisi al-Qabisi dan tadabbur tematik al-Ansari menyediakan landasan integratif yang matang untuk transformasi tahfiz di SURM, menyeimbangkan hafazan, kefahaman dan pengamalan serta memupuk kecekapan abad ke dua puluh satu tanpa menanggalkan identiti Qurani.

7.3 Model Konstruktivisme

Model pembelajaran aktif berteraskan konstruktivisme berpandangan bahawa ilmu dibina secara aktif oleh pelajar melalui pengalaman, interaksi dan refleksi, bukan sekadar dipindahkan daripada guru. Asas teorinya dipelopori oleh Jean Piaget yang menekankan pembinaan pengetahuan berasaskan pengalaman individu, serta Lev Vygotsky yang menekankan peranan interaksi sosial dan guru sebagai fasilitator (Nerita et al., 2023). Dalam konteks tadabbur, kerangka ini menempatkan pelajar sebagai agen aktif yang membina makna daripada ayat al Quran melalui inkuiri berpandu, manakala guru membimbing, mengarahkan dan menyediakan suasana kondusif untuk pembelajaran bermakna.

Dapatan literatur dan amalan bilik darjah menunjukkan pelaksanaan tadabbur bertema selepas sesi hafazan mampu meningkatkan kefahaman makna, pengekal hafazan dan motivasi pelajar (Rijan et al., 2024). Inkuiri, perbincangan kumpulan, analisis teks serta penulisan refleksi membantu pelajar menghubungkan

ayat dengan pengalaman hidup lalu menginternalisasi nilai Qurani. Kesan pembelajaran dapat dikesan melalui pengurangan kesilapan dalam bacaan pada ayat yang telah difahami, peningkatan markah penilaian refleksi tadabbur, bukti perubahan tingkah laku yang selaras dengan tema pembelajaran, serta penghasilan pembelajaran seperti jurnal dan portfolio tematik.

Secara pedagogi, konstruktivisme serasi dengan kerangka tematik Farid al Ansari kerana kedua duanya menuntut pembinaan makna. Penyepaduan ini wajar digerakkan tanpa menanggalkan disiplin tradisi al Qabisi, iaitu ketelitian talaqqi dan musyafahah yang memelihara makhraj, tajwid dan kesinambungan sanad. Pada peringkat reka bentuk, setiap sesi hafazan diikuti aktiviti tadabbur bertema yang berfokus kepada kefahaman, refleksi dan aplikasi, disokong pentaksiran autentik yang menilai ketepatan bacaan, pemahaman makna dan bukti amalan.

Pengintegrasian alat digital untuk pemantauan bacaan dan pengumpulan eviden, serta latihan guru yang menggabungkan tajwid, pedagogi tadabbur dan reka bentuk penilaian, akan memperkemas pelaksanaan (Rohana et al., 2020). Dirumuskan, konstruktivisme menyediakan asas kukuh bagi transformasi pendidikan tahfiz yang holistik, dinamik dan menepati tuntutan abad ke dua puluh satu, dengan menyeimbangkan hafazan yang sahih, kefahaman bermakna dan aplikasi nilai dalam realiti kehidupan.

7.4 Model Ulul Albab

Model Ulul Albab diperkenalkan di Malaysia pada 2006 sebagai gagasan bersepadu di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, berinspirasi daripada ayat al Quran yang memuji golongan Ulul Albab. Model ini dibina atas tiga tunggak, iaitu hafazan al Quran (Quranik) sebagai teras rohani, pemikiran kritis bersifat ijthadik sebagai asas intelektual, dan penguasaan ilmu pelbagai bidang secara ensiklopedik sebagai jambatan kepada realiti kontemporari. Matlamatnya ialah melahirkan pelajar tahfiz yang setanding, bahkan unggul, melalui penyepaduan tradisi dengan keperluan pendidikan moden (Noor Fadilah & Siti Eishah, 2019).

Gabungan tiga dimensi tersebut memperkukuh pendidikan tahfiz daripada segi hafazan, kefahaman dan jangkauan aplikasi ilmu. Pelajar bukan sahaja menguasai hafazan dengan baik, malah mampu mengaitkan kandungan al Quran dengan disiplin sains, teknologi, perubatan dan kejuruteraan, sekali gus membina pandangan alam berteraskan wahyu. Kesan langsungnya ialah perluasan laluan akademik dan kerjaya tanpa menanggalkan identiti sebagai huffaz, serta peningkatan kebolehpasaran graduan melalui kompetensi analitikal, kepimpinan dan penguasaan multidisiplin (Nik Abdullah et al., 2024). Sebagai contoh, perbincangan tentang ayat penciptaan alam dapat dihubungkan dengan topik biologi atau astronomi, mempamerkan keserasian antara ilmu wahyu dan ilmu kontemporari dalam ekosistem pembelajaran.

Secara analitik, model ini membawa anjakan paradigma dengan meletakkan hafazan seiring kemahiran abad ke-21, iaitu pemikiran kritis, kreativiti, komunikasi dan kolaborasi. Dari sudut pelaksanaan, tiga strategi saling melengkapi wajar diberi keutamaan, iaitu pengajaran interdisiplin yang menggabungkan ayat al Quran dengan mata pelajaran akademik, projek berasaskan isu semasa yang menterjemah nilai Qurani ke dalam konteks sosial, dan bimbingan kerjaya berintegrasi yang memeta laluan profesional tanpa menjejaskan hafazan. Disepadukan secara sistematik, Model Ulul Albab berfungsi sebagai teras transformasi pendidikan tahfiz yang holistik, strategik dan berwawasan Qurani, sekaligus memposisikan huffaz sebagai tenaga profesional yang relevan dalam pembangunan negara dan masyarakat.

7.5 Model Huffaz Profesional

Model Huffaz Profesional ialah kesinambungan gagasan Ulul Albab yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 2012 untuk memperkasa tahfiz integrasi. Berteraskan visi melahirkan huffaz yang berperanan sebagai pemikir, pentadbir dan profesional, model ini menyepadukan penguasaan al Quran dengan kemahiran kontemporari seperti kejuruteraan, perniagaan dan teknologi, sekali gus menghubungkan tradisi hafazan dengan agenda pembangunan modal insan yang berdaya saing dalam sistem pendidikan formal (Hafizan et al., 2021).

Dapatan menunjukkan penyepaduan kurikulum agama dan memperkukuh tiga aspek serentak, iaitu kemantapan hafazan, kefahaman dan penghayatan nilai, serta kompetensi akademik dan vokasional. Pelajar mengekalkan identiti Qurani sambil menguasai literasi saintifik dan digital, kemahiran berfikir aras tinggi, serta kecekapan komunikasi dan kepimpinan. Kesan langsungnya ialah peluasan laluan akademik ke bidang profesional serta peningkatan kebolehpasaran graduan tanpa mengorbankan disiplin hafazan dan adab (Supian et al., 2019).

Secara analitik, Model Huffaz Profesional menyusun hubungan yang jelas antara hafazan, tadabbur yang berstruktur, dan pembinaan kemahiran abad ke-21. Keberhasilan model bergantung pada reka bentuk kurikulum bersepadu, pentaksiran autentik yang menilai hafazan, pemahaman makna dan aplikasi nilai, pemerksaan guru melalui latihan pedagogi serta bimbingan kerjaya, dan jalinan kolaborasi dengan universiti serta industri. Disepadukan secara sistematik, model ini menawarkan kerangka praktikal untuk kelestarian pendidikan tahfiz kontemporari, membentuk generasi huffaz yang holistik, kompeten dan berpandangan jauh, serta memposisikan mereka sebagai aset strategik dalam pembangunan negara.


8.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kelima-lima model yang dianalisis mempunyai kekuatan tersendiri. Maka, satu pendekatan integratif seperti Model Transformasi Huffaz yang menggabungkan kekuatan semua model ini perlu dibangunkan bagi memastikan keselarasan antara hafazan, kefahaman, refleksi, dan pembangunan profesional pelajar tahfiz. Untuk memudahkan kefahaman, elemen teras disusun dalam jadual berikut:

Jadual 1: Rumusan elemen teras

Model	Elemen Teras
Al-Qabisi	Adab dan Ruhani
Al-Ansari	Pemahaman dan Tadabbur
Konstruktivisme	Pemikiran Kritis
Ulul Albab	Integrasi Ilmu
Huffaz Profesional	Profesionalisme

Gabungan kelima-lima model ini menunjukkan bahawa pendidikan tahfiz yang berkesan menuntut keseimbangan antara hafazan dan penghayatan makna, integrasi tadabbur, serta penguasaan kemahiran duniawi untuk melahirkan generasi huffaz yang cemerlang dari aspek rohani, intelek, dan sosial. Tadabbur dalam hal ini berperanan sebagai pemangkin transformasi pendidikan tahfiz kerana ia menjadikan hafazan lebih bermakna, yang membawa nilai-nilai Qurani untuk membentuk masyarakat moden yang lebih holistik dan berintegriti. Berikut adalah rajah gabungan kekuatan yang didapati dalam setiap model:



Rajah 1: Gabungan kekuatan setiap model

Model Transformasi Huffaz dibangunkan sebagai kerangka konseptual untuk pendidikan tahfiz kontemporari yang holistik. Matlamatnya ialah melahirkan huffaz yang bukan sahaja cemerlang dalam hafazan literal, tetapi juga memahami, menghayati, dan mengamalkan ajaran al Quran dalam konteks dunia moden. Dalam ekosistem Sekolah Ugama Radin Mas di Singapura, model ini perlu ditakrif dan diuji secara lapangan agar sesuai dengan realiti masa, kapasiti guru, serta keperluan pelajar dalam komuniti minoriti Muslim.

Dapatan semakan literatur dan analisis konteks menunjukkan tiga penegasan utama. Pertama, kekuatan tradisi perlu dikekalkan melalui talaqqi, musyafahah dan pengulangan sistematik yang memastikan ketepatan bacaan, kelestarian sanad, serta pembentukan disiplin rohani. Kedua, tadabbur perlu diposisikan sebagai amalan kurikulum, bukan sekadar di dalam tafsir atau tazkirah. Ini menuntut takrif operasi yang jelas pada tiga domain, iaitu kefahaman makna, refleksi nilai, dan aplikasi amalan. Ketiga, integrasi ilmu semasa dan kemahiran profesional wajar dimasukkan untuk menghubungkan hafazan dengan kompetensi abad ke dua puluh satu, seterusnya membuka laluan akademik dan kerjaya yang lebih luas tanpa menanggalkan identiti Qurani.

Bagi mengoperasikan transformasi di SURM, beberapa langkah saling berkait disarankan. Pertama, memformalkan tadabbur dalam Rancangan Pengajaran Harian dan pelan tahunan melalui slot refleksi berpandu 10 hingga 15 minit yang mengikuti urutan, iaitu memahami ayat, merenung implikasi nilai, dan merancang amalan. Kedua, melaksanakan pentaksiran autentik berasaskan penilaian ringkas yang menguji ketepatan pemahaman, kedalaman refleksi, dan bukti amalan. Ketiga, memperkasa guru melalui latihan berkala yang menyepadukan tajwid, pedagogi tadabbur, reka bentuk penilaian, serta pengurusan masa. Keempat, memanfaatkan alat digital yang mudah untuk tugas refleksi dan rekod kemajuan, di samping mengekalkan sesi bersemuka bagi memelihara barakah sanad. Kelima, menyelaras projek kecil silang disiplin dan khidmat komuniti agar tema al Quran diterjemah kepada tindakan sosial yang terukur.

Pelaksanaan berfasa disertai pemantauan indikator membolehkan penilaian berterusan serta penambahbaikan berasaskan data. SURM berpotensi bergerak daripada kerangka konseptual kepada amalan yang diukur dan berterusan. Hasilnya dapat melahirkan huffaz yang seimbang dan relevan yang dapat menyumbang kepada masyarakat Singapura yang majmuk. Model ini mampu menjadi rujukan transformasi tahfiz di konteks minoriti Muslim serantau.

9.0 CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN

Kajian lanjut wajar memfokuskan pembangunan serta pengujian rintis modul tadabbur berstruktur yang khusus untuk Sekolah Ugama Radin Mas (SURM). Modul ini hendaklah disesuaikan dengan tahap umur pelajar, disejajarkan dengan keperluan kurikulum hafazan, peruntukan masa dan silibus, dan mengintegrasikan kaedah refleksi yang sistematik contohnya jurnal ringkas, soal jawab berpandu, dan perbincangan tematik.

Seiring itu, kajian lapangan perlu dilaksanakan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan tadabbur terhadap pembangunan sahsiah dan kecemerlangan akademik pelajar tahfiz di SURM. Penilaian boleh meneliti indikator seperti pengekalan hafazan, pengurangan ralat bacaan, penilaian refleksi kefahaman makna, kedalaman renungan, aplikasi nilai, serta kesan rentas mata pelajaran dan petunjuk sahsiah, disiplin, daya tahan rohani. Dapatan sedemikian akan mengesahkan pembentukan modal insan yang berintegriti dan berdaya saing, sekali gus memberi asas kukuh untuk pemerkasaan kurikulum dan peluasan amalan di SURM.

10.0 PENUTUP

Kajian ini menegaskan bahawa tadabbur ialah teras transformasi pendidikan tahfiz, khususnya di Sekolah Ugama Radin Mas yang beroperasi dalam konteks minoriti Muslim. Integrasi model tradisional berasaskan adab, talaqqi, dan musyafahah dengan pendekatan moden seperti tematik, konstruktivisme, Ulul Albab, dan Huffaz Profesional mampu memperkukuh hafazan melalui pemahaman, penghayatan, dan aplikasi nilai al-Quran. Transformasi ini menuntut modul tadabbur berstruktur, latihan guru bertauliah, serta pentaksiran autentik agar pendidikan tahfiz lebih relevan dan melahirkan huffaz seimbang dari segi rohani, intelektual, dan sosial.

11.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Pengkaji menegaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penyelidikan ini dijalankan tanpa sebarang pengaruh, tekanan, atau kepentingan tersirat daripada mana-mana individu, institusi, atau pihak luar yang berpotensi menjejaskan integriti dapatan.

Tidak wujud sebarang hubungan kewangan, akademik, atau pentadbiran yang boleh mempengaruhi kesimpulan kajian kerana matlamat utama penyelidikan ini hanyalah untuk menyumbang kepada perkembangan ilmu, meningkatkan kefahaman dalam bidang tadabbur dan tahfiz, serta membantu guru, pelajar dan institusi pendidikan dalam memperkukuh pengajaran al-Quran. Justeru, dapatan dan model yang dicadangkan dibangunkan untuk keperluan sebenar lapangan.

12.0 PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada pihak pengurusan Sekolah Ugama Radin Mas (SURM) atas kebenaran dan sokongan untuk menjalankan kajian. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada para guru tahfiz yang sudi berkongsi pengalaman, pandangan, dan amalan sebenar di bilik darjah. Penghargaan turut diberikan kepada penyelia akademik, para pakar rujuk

dalam bidang tahfiz dan tadabbur, serta rakan-rakan penyelidik yang banyak memberi maklum balas bermanfaat.

13.0 SUMBANGAN PENULIS

Penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keseluruhan proses penyelidikan ini. Kajian ini merupakan sumbangan asli penulis dalam membangunkan keperluan awal sebuah model tadabbur yang bersesuaian dengan konteks pendidikan tahfiz di Singapura. Penulis juga menyediakan struktur cadangan awal pembangunan model, mengenal pasti elemen-elemen sokongan yang diperlukan oleh guru.

14.0 RUJUKAN

- Al Ghazali. (1995). *Bidayat al-Hidayah*, Beirut: Dar al Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Husaini M.Daud. (2014). Al-Qabisi's Thoughts about Curriculum in Islamic Education. *TAWARIKH: International Journal for Historical Studies*, 5(2), 187–196.
- Al-Qabisi, A. H. A. (1955). *Al-Risalah al-Mufasssalah li Ahwal al-Muta'allimin wa Ahkam al-Mu'allimin wa al-Muta'allimin*, Cairo: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Qaradawi, Y. (2006). *Kayfa nata'amal ma'a al-Qur'an al-'Azim*, Cairo: Maktabah Wahbah.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, & Jemali, M. (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1).
- Chek, Y. Bin. (2021). Melestarikan Elemen Tadabbur Dalam Hafalan Al-Quran. *Jurnal Darul Quran*, 25(February), 1–27.
- Grant, M. J., & Booth, A. (2009). A typology of reviews: An analysis of 14 review types and associated methodologies. *Health Information & Libraries Journal*, 26(2), 91–108.
- Hafizan, M., Hamid, A., Aziz, A., Isa, M., & Ishak, H. (2021). Faktor pembelajaran tahfiz program huffaz profesional di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *Journal Al-Irsyad, Faculty of Islamic Civilization Studies, (KUIS)*, 6(1), 596–605.
- Hanifah, D. P. (2020). Qur'an Journaling: Metode Tadabbur Tematik Sebagai Proses Terbentuknya Sikap Ilmiah. *SPEKTRA: Jurnal Kajian Pendidikan Sains*, 6(2), 156. <https://www.surm.edu.sg/curriculum-structure/>
- Jaafar, N., & Ilyas, N. (2020). Tadabbur Al-Quran Dan Implikasinya Terhadap Kesejahteraan Fikiran Serta Emosi Dalam Situasi Perintah Kawalan Pergerakan. *E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS2020)*, 99–113.
- Kamal Hassan. (2021). Menggubal Kurikulum dan Jaminan Kualiti Huffaz Asia Tenggara dalam melahirkan Profesional Rabbani. *Webinar Serantau*: 21, 1–16.
- Maisarah Thulhuda Mat Jafri, Mohd Faizulamri Mohd Saad, & Sabri Mohamad. (2018). Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Pelajar Tahfiz. *Jurnal Al-Turath*, 3(2), 16–21.
- Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana Rasheed, & Aslam Farah Selamat. (2018). Isu Dalam Pendidikan Tahfiz: Satu Analisis. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*.
- Mohd Faizulamri, Sabri Mohamad, Hamdi Ishak, Haziyah Hussin, & Nur Zainatul Nadra Zainol. (2021). Implementation of Tadabbur Element in Quran Memorisation Process. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(7).

- Mohd Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff & Nordin Ahmad. (2016). *Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran*. Darul Quran Jakim CQR UM.
- Nerita, S., Ananda, A., & Mukhaiyar, M. (2023). Pemikiran Konstruktivisme Dan Implementasinya Dalam Pembelajaran. *Jurnal Education And Development*, 11(2), 292–297.
- Nik Abdullah, N. M. S. A., Muhammad Isa, R. A., Mohd Saad, M. F., & Majid, L. A. (2024). Teaching And Facilitation (PDPC) Using 21st Century Approach (PAK21) by Tahfiz Model Ulul Albab Teachers in Selangor. *Educational Administration: Theory and Practice*, 30(4), 10134–10139.
- Noor Fadilah Ambo, & Siti Eishah Mokhsein. (2019). Trend dan Isu Dalam Pembelajaran Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(27), 16–25.
- Rahman Basrun. (2018). Jejak Insan Semarak al-Quran, Menjejak Sejarah Perkembangan 5 Dekad Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran Singapura. *Majlis Ugama Islam Singapura*, 40–45.
- Recker, J. (2013). *Scientific research in information systems: A beginner's guide*. Springer.
- Rijan, M. M. H., Yakub, M. A., & Hassan, A. A. R. (2024). Kefahaman Ayat al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz, *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(1), 1–12.
- Rohana Zakaria. (2022). Sumbangan 'Abd-Rahman Habannakah dan Farid Al-Ansari dalam Bidang Pengajian Al-Quran: Kajian Terhadap Kitab Qawaid Al-Tadabbur Al-Amthal dan Majalis Al-Quran Serta Kesannya Kepada Pengajian Tadabbur di Malaysia, KUIS.
- Rohana Zakaria, & Hayati Hussin, Zainora Daud. (2017). Kesiediaan Masa Dan Kreativiti Guru Dalam Penggunaan Bahan Bantu Mengajar. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*, 3.
- Rohana Zakaria, Noorhafizah Mohd Haridi, Mardhiah Yahaya, Shahrudin Pangilun, & Hayati Husin. (2020). Penerapan Elemen Tadabbur Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Maahad Integerasi Tahfiz Selangor (MITS) 13(2), 97–107.
- Senjaya, S., Kosasih, A., Hermawan, W., & Oki, A. (2023). Implementasi Tadabbur Berbasis Maqāṣid Al-Qur'an. *ZAD Al-Mufassirin*, 5(1), 78–92.
- Sufyan, A. (2022). Makna Tadabbur Menurut Mufassir Klasik dan Modern: Sebuah Pembacaan Historis. *AL QUDES : Jurnal Studi Alquran Dan Hadis*, 6(1), 43.
- Supian, S., Vahlepi, S., & Sholiha, M. (2019). Strategi Pemasivasi Dalam Pembelajaran Tahfiz Al-Qur'an. *TARBAWY : Indonesian Journal of Islamic Education*, 6(2), 176–186.
- Yuliani, F. (2019). Pengaruh Kebiasaan Tadabbur Al-Quran Terhadap Kecerdasan Spiritual Anggota Komunitas Tadabbur Quran. *Jurnal Psikologi Islam*, 6(2), 38.
- Zamroni Ishaq, & Ihsan Maulana Hamid. (2021). Konsep dan Metode Tadabbur dalam Al-Qur'an. *Ummul Qura Jurnal Institut Pesantren Sunan Drajat (INSUD) Lamongan*, 16(2), 132–141.
- Zulkiple Abdul Ghani, Adnan Mohamed Yusoff, M. H. S. (2016). The Art of Hafazan Effectice Technique. In *Proceedings From Permata Insan*.